

KERAJAAN Perpaduan perlu memenangi majoriti dua pertiga dalam persidangan khas Parlimen berkaitan usul undi percaya esok - sekiranya mahu kembali menjadi sebuah kerajaan yang berwibawa dan kuat.

Kegagalan untuk membentuk kerajaan dengan majoriti selesa akan mendatangkan lebih banyak masalah terutama bagi menghadapi tekanan politik untuk membangunkan negara. Kerajaan yang lemah tanpa kemenangan majoriti dilihat lebih takut untuk berhadapan dengan rakyat terutama dalam sistem demokrasi.

Pemilikan kuasa majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat penting. Pada 9 April 2019, Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2019 tidak mendapat majoriti dua pertiga untuk diluluskan apabila pengundian dibuat secara belah bahagi. Pengundian dibuat selepas Perdana Menteri ketujuh, Tun Dr. Mahathir Mohamad menggulung perbahasan mengenai pindaan itu mulai pukul 9.30 malam. Keputusan undian yang dijalankan mendapati 138 daripada 221 wakil rakyat mengundi bersetuju RUU itu diluluskan. Sementara 59 wakil rakyat lagi tidak mengundi. Dengan keputusan itu, cubaan pertama kerajaan Pakatan Harapan (PH) ketika itu untuk meminda Perlembagaan Persekutuan tidak dapat diteruskan.

UNDIAN BELAH BAHAGI

Keputusan undian belah bahagi menetapkan mana-mana pindaan Perlembagaan hanya boleh dipinda jika mendapat undi majoriti dua pertiga atau 148 kerusi daripada keseluruhan kerusi Dewan Rakyat sebanyak 222.

Ketika membentangkan bacaan kali kedua RUU Perlembagaan (Pindaan) 2019, Dr. Mahathir berkata, pindaan kepada Fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan bertujuan mengembalikan semula status asal Sabah dan Sarawak seperti yang termaktub dalam perjanjian pembentukan Malaysia 1963. Pindaan dibuat kerana kerajaan menyedari hasrat dan tuntutan rakyat Sabah dan Sarawak agar kedudukan seperti yang dipersetujui ketika Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dimeterai dan Persekutuan Malaysia dibentuk pada 16 September 1963 dapat dizahirkan semula.

Biarpun begitu, kira-kira tiga tahun kemudian, Pindaan RUU berkaitan MA63 itu berkuat



BANYAK pihak meyakini Anwar Ibrahim mampu melepasi usul undi percaya di Parlimen esok.

Kuasa majoriti dua pertiga

kuasa secara rasmi 11 Februari tahun ini. Ia berdasarkan seksyen 1(2) Akta Perlembagaan (Pindaan) 2022 atau Akta A1642 yang menyatakan bahawa tarikh berkuat kuasa itu ditetapkan sendiri oleh Yang di-Pertuan Agong.

RUU itu diberikan perkenan Seri Paduka pada 19 Januari lalu. Seterusnya RUU tersebut telah pun diwartakan kerajaan sebagai akta pindaan kepada Akta 1642 pada 25 Januari 2022. Akta berkenaan merangkumi pindaan kepada Perkara 1(2), 160(2) dan 161A(6) dan (7) Perlembagaan Persekutuan sekali gus menzahirkan komitmen kerajaan terhadap MA63. RUU Perlembagaan (Pindaan) 2021 bagi pindaan empat perkara tersebut telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 14 Disember tahun lalu dengan sokongan 199 ahli melebihi majoriti dua pertiga.

Atas sifat ketertinggiannya, Perlembagaan Persekutuan menyediakan peruntukan khas berkaitan proses pindaan melalui perbahasan dan keputusan Parlimen. Di sinilah timbulnya syarat majoriti dua pertiga. Perlembagaan menyediakan empat cara pindaan kepada peruntukan berbeza. Hanya sedikit peruntukan Perlembagaan yang boleh dipinda melalui majoriti mudah dan semua peruntukan lain hanya boleh dipinda sekiranya cadangan pindaan

UM-18/12/2022
m/s: 12



Risikonya tanpa pembangkang yang kuat, kerajaan seperti tidak mempunyai cermin untuk melihat diri sendiri. Tidak ada lawan yang berwibawa.

diluluskan dengan sokongan majoriti dua pertiga di kedua-dua Majlis Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) pada Bacaan Kedua dan Ketiga (159(3) dan (4)).

Pindaan peruntukan berkaitan Institusi Beraja dan beberapa peruntukan asas Perlembagaan, termasuk kewarganegaraan, bahasa Melayu dan kedudukan negeri berkehendakkan majoriti dua pertiga dan perkenan Majlis Raja-Raja (159(5) serta 38(4)). Bagi Sabah dan Sarawak, pindaan yang membabitkan negeri-negeri itu hanya boleh dibuat apabila memenuhi syarat majoriti dua pertiga dan perkenan Yang Dipertua Negeri masing-masing (161E). Inilah sahaja proses pindaan atau perubahan formal Perlembagaan.

SEGALANYA

Majoriti dua pertiga segalanya. Pada Mac 2015, Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan meluluskan rang undang-undang Kanun Jenayah Syariah II 1993 (Pindaan 2015) atau hudud, untuk dilaksanakan ke atas orang Islam di negeri itu. Namun, di sisi undang-undang, parti itu perlu memperoleh majoriti dua pertiga di Parlimen untuk menukar perlembagaan bagi memberi kuasa kepada mahkamah syariah membicarakan kes jenayah untuk pelaksanaan

hukum hudud. Ini kerana jenayah membunuh, merogol dan mencuri adalah di bawah mahkamah sivil dan ia tidak boleh dibicarakan di mahkamah syariah.

Kuasa majoriti dua pertiga membolehkan pada 28 Julai lalu pindaan akta bagi mewujudkan peruntukan larangan Ahli Parlimen bertukar parti, diluluskan dengan mendapat sokongan lebih dua pertiga ahli Dewan Rakyat. Ia kemudian diluluskan di Dewan Negara pada 9 Ogos apabila memperoleh sokongan 52 daripada 60 senator selepas dua kali undi belah bahagian dilakukan, iaitu lebih dua pertiga persetujuan Ahli Dewan Negara.

Biarpun begitu, pemilihan majoriti dua pertiga perlu seiring dengan keupayaan barisan pembangkang. Risikonya tanpa pembangkang yang kuat, kerajaan seperti tidak mempunyai cermin untuk melihat diri sendiri. Tidak ada lawan yang berwibawa.

Di pihak kerajaan pula, pastinya tersenyum lebar kerana dengan memiliki dua pertiga dalam Dewan rakyat, sebahagian janji utama manifesto pilihan raya, khususnya berkaitan pindaan atau menggugurkan satu-satu undang-undang, pasti mudah ditunaikan.

Kita tunggu dan lihat esok.